

Bumiputra Tidak Kualiti
Chedet.cc
21 October 2013
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Sekarang baru saya tahu kenapa kontraktor Bumiputra tidak pernah diberi kontrak oleh swasta Malaysia. Mengikut Fellow Kanan Institut Kajian Sosioekonomi dan Alam Sekitar (SERI). Dr Michael Lim Mah Hui, Bumiputra tiada kualiti.

2. Ketua Pakar Ekonomi RAM Holdings, Dr Yeah Kim Leng, pula berkata, swasta mementingkan meritokrasi, bukan menutup peluang kepada Bumiputra.

3. Kita tahu Kerajaan yang dikuasai oleh Bumiputra yang tidak berkualiti, telah mengambil hampir 100% Bumiputra untuk menjadi pegawai dan kakitangan Kerajaan. Hasilnya dapat kita lihat Malaysia tidak dapat ditadbir dengan baik dan pembangunannya memang buruk sekali berbanding dengan negara-negara lain yang mencapai kemerdekaan bersama dengan Malaysia.

4. Kerajaan yang dianggotai oleh Bumiputra yang tidak berkualiti ini gagal menangani kemerosotan ekonomi dan kewangan pada 1997/98. Ramailah peniaga dan pengusaha negara terutama dari kaum yang memiliki merit yang bankrap semasa krisis matawang kerana tindakan "control" oleh Bumiputera. Sehingga kini ekonomi dan kewangan negara tidak dapat dipulih oleh Kerajaan Bumiputra yang tidak berkualiti ini.

5. Sesungguhnya untuk mengelak kerosakan negara, Bumiputra yang tidak berkualiti ini tidak harus diberi apa-apa peluang menuntut ke peringkat universiti kerana mereka tentu tidak akan lulus dan mendapat apa-apa ijazah. Tindakan pemaju swasta mengutamakan merit memanglah wajar. Ini bukan kerana tidak mahu memberi peluang kepada Bumiputra, tetapi kerana mengutamakan merit.

6. Meritokrasi memang baik bagi Malaysia. Jangan bagi apa-apa pun yang tidak berasas kepada merit. Orang yang tidak berkualiti tidak mempunyai hak dan tempat di Malaysia. Biarlah mereka kekal dengan kualiti buruk mereka asalkan yang berkualiti, yang memiliki merit meraih segala-galanya untuk mereka. Kemerdekaan Negara dari dijajah oleh British bertujuan memberi segala-galanya kepada yang memiliki merit dan bukan untuk yang tidak berkualiti.

7. Dan saya bersetuju dengan pendapat pakar-pakar dari SERI dan RAM Holdings. Orang yang tidak ada kualiti tidak ada tempat di Malaysia kita yang Merdeka. Mereka harus

tahu nikmat kemerdekaan bukan untuk mereka. Nikmat ini hanya untuk yang mempunyai merit walaupun tidak berjuang untuk membebaskan negara dari penjajah.

42 Comments

1.



wajaperak

October 30, 2013 at 3:51 PM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun.

Minta izin..

[mnos]

Rasulullah pernah berkata bahawa mereka yang menguasai ekonomi akan menguasai hampir segalanya.

Tak pernah lagi saya dengar hadith yang begini..

Tolong bagi detail sirah dan atharnya..

Tq.

Terima kasih Tun.

2.



mnos

October 30, 2013 at 12:13 PM | [Permalink](#)

salam tun and all readers

fakta, ekonomi malaysia dikuasai orang cina bukan kerana bumiputra tidak kompeten tetapi kerana orang cina rajin berusaha mengaut kekayaan dan selalu mendapat sokongan kerajaan (walaupun mereka nafikan). contoh, lihat kepada syarikat pembekal gula dan orang tengah dalam industri berasaskan produk keperluan harian

fakta, kerajaan sekarang tetap terpaksa tunduk dengan kehendak orang cina walaupun bukan orang cina yang memerintah kerana mereka yang kuasai ekonomi. Rasulullah pernah berkata bahawa mereka yang menguasai ekonomi akan menguasai hampir segalanya. contoh, lihat kepada hal perundangan: adam ramli (saya bukan penyokong dia, malah meluat dengan mamat ni) digari dan ditahan kerana menghina negara tetapi namewee hanya ditegur even berkali-kali menghina negara secara global (malah diberi bantuan dana untuk buat filem!!) sama seperti contoh yang tun bagi dalam kes DAP dan UMNO, DAP hanya perlu buat pemilihan semula (sekarang pun ada lagi yang komplek) tetapi umno kena bubar.

fakta, memang diakui ramai bumiputra yang tak berkualiti tetapi ramai juga yang berkualiti, lihat saja senarai graduan ipt, bukan semua bumiputra dapat 2nd class. tetapi yang berkualiti ini tetap dinafikan hak bekerja dalam sektor swasta di malaysia dengan hanya satu ayat..MESTI FASIH BERBAHASA CINA!!!..tak percaya lihatlah dalam ruang iklan syarikat swasta milik "rakyat malaysia" yang kononnya mendokong perlembagaan. saya tak jumpa pulak dalam perlembagaan mengatakan rakyat malaysia wajib berbahasa cina (hokkien,mandarin dsb) untuk berkerja.

fakta, bumiputra menguasai sektor awam. ramai yang kritik kerajaan berat sebelah kerana hanya bagi peluang kepada bumiputra tetapi hakikatnya kerjaan terpaksa bagi

peluang kepada bumiputra kerana syarikat swasta milik "rakyat malaysia" tidak mahu menerima mereka walaupun akademik mereka cemerlang. dan fakta juga kebanyakan bukan bumiputra tidak mahu kerja sektor awam kerana terikat dengan terlalu banyak perundangan dan gaji mati (terlalu sikit kenaikan).

fakta, bumiputra memang sangat pemalas, sebab itu DEB gagal mencapai 30% kuota ekonomi. bumiputra lebih gemar berpolitik dan bergosip. lihat saja perarakan membantah dijalanan setiap tahun dalam apahal sekalipun, bumiputra terutama melayu yang paling ramai walaupun hal tersebut tidak berkait pun dengan bangsa melayu!

fakta, bumiputra sangat sukar menerima teguran dan kritikan dari bangsa sendiri tetapi dalam masa yang sama rela menerima 'salam' bangsa lain walaupun niat tersembunyinya jelas kelihatan. dan yang lebih teruk lagi ramai bumiputra yang syok sendiri dan tidak sedar diri; yang merasakan dialah yang terbaik, dialah yang berjaya, dialah yang paling bagus; hakikatnya dia dan bangsanya sudah jauh ketinggalan dan ditindas secara tersurat dan tersirat

saya setuju dengan tulisan tun dalam malay dilemma..orang melayu memang mudah lupa

kepada bumiputra dan non bumiputra, anda boleh marah, tetapi fakta tetap adalah fakta

tq

October 29, 2013 at 9:38 AM | [Permalink](#)

Tun

Sorry. A typo correction.....'even the spiritual home of the Opposition, Singapore, retains the ISA and OE wholeheartedly without a squeak from anyone.'

4.

mubarakchan

October 29, 2013 at 9:34 AM | [Permalink](#)

Tun

Your recent comments on the weak support for the BN Government and its pandering to the Opposition are absolutely correct. This hiatus could be confirmed by the new appointment of the Minister of Interior who is more positive in dealing with crime. And he has gained credence and support for himself in a short span of time. In our beloved country there is still a big yawning gap in civility between the comfort of an air-conditioned office or home and the streets. It has always been so.

Apart from the pandering to the Opposition on trivial issues and hastily repealed the ISA and OE (even the spiritual home of the Opposition, Singapore, still retains them wholeheartedly with a squeak from anybody), the imposition of new taxes and the removal of subsidies with no let-up in the expenditures will not endear the BN Government to the hearts of the voters. We seem to forget that the ringgit is very difficult to defend. And also, the BN Government of not supporting their supporters at the present time but only with imported slogans, does not augur well for the

incumbents. Of late, we have seen their weakened supporters still declare their loyalty to the BN cause. And it is at this juncture, that all should be forgiven and a new beginning to strengthen them. This can only be manifested by the apparent distribution of goodies of whatever kind.

Finally, I have proven to be correct when I commented against the infamous TPPA. In the commentary by Tan Teng Boo of Capital Dynamics Asset Management Sdn. Bhd., he said Malaysia's strength in manufacturing peaked years ago (1970s) and is now only 24% of the general economy and declining. Vide. StarBiz. 29 October 2013. Page 3. Therefore, our beloved Malaysia has nothing to trade off to open our market to the flood of foreign manufactures coming in through Singapore ! It is not only too little too late. It is far too late. The emphasis on tourism is now a stop-gap measure. A measure normally adopted by backward countries as a first step in trying to climb the ladder to industrialization.

However, in order to justify the accuracy of your comments, I have commented that as long as the BN Government observes the rule of the laws, implements fair and transparent policies, maintains a normal and functioning bureacracy and eschews from making money with the GLCs but only to rule over us, there is nothing much the Opposition can do until the next 14th General Elections but only to make a lot of noise at every trivial issue.

5.

mubarakchan

October 27, 2013 at 12:38 AM | [Permalink](#)

Tun

Sorry. I like to add one more sentence to my last comment. Would anyone care to report this misdemeanour to the Police in the national interest and the propriety of our Malaysian Democracy ?

6. ***mubarakchan***

October 27, 2013 at 12:36 AM | [Permalink](#)

Tun

It is alleged in a pro-BN Blog that the j-evangelistas in the Star has a habit of up-dating or changing old news for new news. If this is so then it is possible fraud and cheating have been committed under the Penal Code and both are not time barred.

7.



mubarakchan

October 26, 2013 at 8:57 AM | [Permalink](#)

Tun

A hot topic in a pro-BN Bog is how the Star newspaper became infested with J-evangelistas which could even change the contents of old news items so on and so forth. A striking comment here is ' Even BN chairman Najib himself has admitted that his party lost he propaganda and perception war. The Pakatan fitnah with regard to

the '40,000 Bangladeshis' is a case in point. This comment brought out the fact that the expensive media consultants employed by the BN were lost. I believe they were lost because they are foreigners.

However, it is a straightforward task to repudiate all the Pakatan lies by just producing an encyclopedia of these lies repudiated by the truths as far back as possible in chronological form and release it in Cyberspace and other media. It is just commonsense. How can the BN a dinosaur be led by the nose in this media war of no end ?

Many years ago I consulted a famous Singapore lady lawyer on a libel and slander case. She told me I was 6 months too late and should have taken action immediately. And she added that in our country, news that are published today are forgotten tomorrow.

8.



[sentinel3](#)

October 25, 2013 at 6:18 PM | [Permalink](#)

Tun,

Izinkan saya menjawab gunse(gunasegaran)007,

Ayo..yo..gunse, jangan marah la. Aiya ka atau saya yang rasa pedas? Kalau aiya makan nasi kandar, saya syorkan makan itu cili hijau sekali, kemuncak keenakan (istilah kamasutra?) apabila seseorang itu makan nasih kandar. he...he..he.

Terima kasihlah gunse...gunse (macam lagu hindi sahaja nama anda..he...he..he) kerana mahu bagi pencerahan? (macam bunyi cerita kuno hindu sahaja bagi cahaya) (perayaan cahaya? lebih-lebih lagi dekat deepavali ini) kepada bangsa Melayu dan tidak jahil (tahniahlah orang hindu pun dah tahu guna perkataan jahil. (gunse..gunse

ini mesti hindu pakatan pembangkang kerana sudah pandai guna perkataan jahil orang Pas) he...he...he.

Kata anda dapat dapat gred A lisan, karangan, pemahaman et (bahasa Melayu) tetapi macam tak faham sahaja tulisan saya?(atau terasa pedas kot?) he...he...he.

Saya kata

sebelum ini apa hebat sungguh bahasa sanskrit? Begitu juga jika perkataan buku dan kitab pun berasal dari benua india?

Seperti saya katakan, bahasa sanskrit itu hanya berguna untuk kitab Kamasutra (meminjam perkataan anda quote " hasil penyelidikan yang dibukukan oleh seorang (india/hindu) (bertapa) beratus2 tahun dahulu mengenai ilmu seksologi") (ilmu cahaya seksologi?) dan digunakan oleh penjajah inggeris untuk berseronok dengan mem sahib.

He...he...he, ayo aiya sudah marah... saya tidak kata kamatsutra ada kena mengena dengan agama hindu, anda sendiri yang kata quote "its nothing to do with Indian agamas...." he...he..he.

Gunse...gunse, saya tidak ada putar belit sebaliknya anda sendiri yang putar dan belit diri sendiri.he...he..he.

Syoklah Tun, dapat kurangkan stress jika dapat berbahas dengan ramai pakar istilah asal usul bahasa Melayu seperti gunasegaran.

Akhir sekali, baguslah orang seperti gunse nampak ramai orang Melayu yang berjaya berdiri di kaki sendiri.

Kalau saya tak nampak pun tak apa, saya mahu lebih ramai orang Melayu berjaya walaupun jika tidak berdiri di kaki sendiri kerana sebagai bumiputera (meminjam istilah sanskrit gunse) mereka layak dan berhak ditolong oleh kerajaan dan perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Tapi saya percaya apa yang gunse mahu cakapkan (bahasa putar belit gunse) ialah orang Melayu seharusnya berdiri di kaki sendiri tanpa pertolongan kerajaan (mentaliti typical) kaum bukan bumiputera terhadap bumiputera (sekali lagi meminjam istilah sanskrit gunse) di negara ini. Poorah!

Oh ya! Bercakap mengenai tempurung, setahu saya pengemis di india yang suka guna tempurung (sampai katak bawah tempurung tiada tempat berteduh dan dapat ilmu cahaya kamasutra?) meminta sedekah. he...he...he.

Salam Tun.



9.

hafizkenedelete

October 25, 2013 at 5:16 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Salam warga Chedet.

Izinkan saya cincai2 tulis..

{sentinel3...

sape makan cili, dia rasa pedas...

aku sebut benda2 tu bukan tujuan negatif, tapi korang dapat pencerahan dan tidak JAHIL...itu jer...}

En Gunasegaran 00789, entah siapa yg makan cili, entah siapa yg rasa pedas... entah siapa yg bahasa dan lidah terbelit, entah siapa yang putar belit...entah siapa yang yang tak paham topik perbualan.

U bercakap macam u pemimpin besar mau kasi kami dapat pencerahan an tidak jahil. Tak perlu u bagitau pun kami sudah cukup pencerahan (hati dan kulit) serta kami tahu memang kami tak jahil, yang jahil dan memperbodohkan diri itu ialah u, yang bersifat lalang juga ialah u dan orang macam u (itupun kalau u yg pandai karangan paham itu resmi lalang).

En Taragunasegaran... (sori salah type tapi I malas mau delete)

U tahu kah apa itu maksud sinis?? Itu kamasutra yang saudara seagama I itu sentinel cakap sama u ialah sinis, dan u tiba2 terasa pedas.. so sekarang kita tau siapa sebenarnya katak dibawah tempurung dan hanya katak dibawah tempurung macam u yang akan belajar sikit2 macam u belajar bahasa arab..hehehe.

So tak perlu la u memperbodohkan lagi diri u dalam blog ini atau mahu bagi pencerahan sama orang lain, nanti I takut u kasi kami gelap gelita terus....

Sekian , selamat mendengar pengumuman GST

Terima Kasih Tun.

Dari si Cincai tulis (tak pandai karangan)

10.



gunse007

October 25, 2013 at 2:00 PM | [Permalink](#)

sentinel3...

sape makan cili, dia rasa pedas...

aku sebut benda2 tu bukan tujuan negatif, tapi korang dapat pencerahan dan tidak JAHIL...itu jer...

apa kena mengena dengan kamasutra??

perkataan buku dan kitab pun asal dari benua India....

Kamasutra its not mainstream, its just hasil penyelidikan yang dibuku-kan oleh seorang beratus2 tahun dahulu mengenai ilmu seksologi... its nothing to do with Indian agamas....

so jangan putar belit...

as Tun Mahathir always says, go LEARN English...ni bahasa melayu pun ko x dapat lawan aku yang dapat gred A lisan, karangan, pemahaman etc

Aku kerja kat negara Arab pun belajar sket bahasa Arab.... go learn... jangan asyik komen bodoh dan hidup mcm katak bawah tempurung...

Orang Melayu yang berjaya adalah orang yang berdiri di kaki sendiri... ada ramai, tapi you x nampak.... piiraaahhhh

11.



mubarakchan

October 25, 2013 at 1:46 PM | [Permalink](#)

Tun

I forgot to add that in our journey towards being one of the 10 Best Countries in the World, we do not need Kualiti Malays, Chinese, Indians and all. What we need is normal Malays, Chinese, Indians and all. The propagandists with a brainwashing agenda to make us all feel inferior, have always originated from the Republic of Singapore. Now, with many things not going smoothly for them, we must expect more of the same to derail us, to flummox, to make us feel inferior and quarrel unnecessarily amongst ourselves to show to the World that Malaysia is not at peace. Of course, we all know that this is far from the truth which is we are living in peace, harmony and prosperity. When I first appeared on their Blog quite a few were living in a cocoon of complacency that no one would do us any harm. The facts of life have proved this feel good feeling is the opposite to conventional beliefs. There are real predators out there ready to eat us up for breakfast twice every morning. 19 holes of golf will not shoo them away. Remember those Singaporean parachutists looking for low hanging fruits and now the siren songs of the infamous TPPA. These only confirm the importance of our beloved Malaysia which has been built up through the leaderships of our Prime Ministers and their Governments since 1957. If we are not careful and normal, what we are all so smug about within the comfy of our comfortable homes will be gone in a jiffy or up in smoke. As I said before the good thing is we are only hurling insults and shooting paper arrows at each other, and not rocks and bullets. This is good, very good. Let us all keep it this way in honour of our own brand of Malaysian Democracy in which all can play except foreigners as though we have never heard of the nursery rhyme, 'Humpty Dumpty'.

12.



mubarakchan

October 25, 2013 at 10:55 AM | [Permalink](#)

Tun

Further to my comment that if our BN Government behaves normally and this flows down to us the Rakyat or proletariat, our beloved Malaysia can be one of the best 10 countries in the World, I intended to be the magnet that draws out the cynical and Cassandra views of those who are the eternal nay-sayers. My humble view is our beloved Malaysia has all the qualities of a normal country, the location which willy nilly has become of strategic geo-political importance, the diverse peoples representing major civilizations and religions, the freedom which we practise with our own Malaysian brand of Democracy which has its roots in the Mother of all Parliaments, a good Opposition without which a democracy is not complete, the equable climate with the vital natural resources like water and land, and of course, our own compatriots if given the right mix of anything that is required to progress, we can fly to the Moon or the Sun which is not recommended.

The reason why we should be normal in all instances is that we have seen how the great and mighty fall when they reached beyond their ken within our life-times – just 50 odd years. From such tragedies, we learn the lesson that the 19th century story of the Hare and the Tortoise by Hans Christian Anderson holds true in this 21st century world of cyberspace. Malaysia is the wise Tortoise. We will also find happiness in ourselves which money cannot buy. And money, money, money has brought eternal unhappiness and dissatisfaction to those who pursued it. The fortunate thing about our beloved Malaysia and her citizens is that most of the participants from Merdeka

are still with us and this is continuity of a historical line of achievement and endeavour which is important for any viable State to keep. History is the silk ribbon that binds a viable country. Therefore, we have most of the ingredients to further the deeds and actions of our forefathers and our Prime Ministers and their governments to nail in what we want for the betterment of our country and the immediate goal ahead is our Tun's Vision 2020. Williy-nilly without much ado and no trumpets blaring with bluffology that we are going to be within the 1st 10 countries of the World sometime. Malaysia will be one of the 10 Best Countries of the World through being normal. This I am confident we can achieve in time. No more. No less.

13.



anti-jibaok

October 25, 2013 at 9:03 AM | [Permalink](#)

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera.

Dari segi bidang kontraktor pembinaan, apa yang dikatakan oleh Dr. Michael Lim Mah Hui (Fellow Kanan, Institut Kajian Sosioekonomi & Alam Sekitar – SENI) bahawa kontraktor Bumiputra tiada kualiti (berbanding kontraktor berbangsa lain) maka kita perlu akui bahawa pernyataan itu sedikit-sebanyak ada kebenarannya.

Namun, apa yang dikatakan pula oleh Dr. Yeah Kim Leng (Ketua Pakar Ekonomi RAM Holdings) bahawa pihak swasta mementingkan meritokrasi malah bukan menutup peluang kepada Bumiputra adalah suatu pernyataan yang tidak tepat.

Rata-ratanya kontraktor bukan Bumiputra (berbangsa Cina) adalah jauh lebih terlengkap dari segi pengalaman, kewangan, prasarana dan juga jaringan perniagaan

antara mereka berbanding dengan kontraktor Bumiputra. Malahan kontraktor pembinaan berbangsa India juga adalah lebih cekap dan berpengalaman untuk melakukan kerja kejuteraan awam seperti menurap jalanraya berbanding dengan kontraktor Bumiputra.

Berapakah terdapat bilangan kontraktor Bumiputra jenis gergasi (Masters Builders) atau jenis kelas 'Super-A' di negara kita, walaupun sudah sejak terwujudnya Dasar Ekonomi Baru selama berpuluhan tahun yang lalu..? Kontraktor Bumiputra sedemikian boleh dikira dengan jari kita berbanding dengan ratusan bilangan Bukan Bumiputra jenis Master Builders atau 'Super-A'. Itu semua adalah suatu fakta yang tidak boleh kita nafikan.

Namun demikian, kenapa pula terdapat ribuan para kontraktor Bumiputra yang berpusu-pusu berdaftar untuk menjadi kontraktor Kelas 'F' bagi merebut peluang projek di Jabatan-jabatan Kerajaan untuk kerja-kerja kecil? Sedarkah kita bahawa ribuan kontraktor Kelas 'F' sedemikian adalah dikhususkan 100% hanya bagi kaum Bumiputra? Kenapa pula kontraktor Kelas 'F' sedemikian lebih suka 'senang-diri' demi mengharapkan untuk mendapat peluang projek daripada Jabatan-jabatan Kerajaan semata-mata dan tidak mahu bersaing untuk mendapatkan kerja-kerja kecil dipihak swasta? Juga, berapakah bilangan dikalangan kontraktor Kelas 'F' sedemikian yang sudahpun memajukan diri dan perniagaan mereka secara langkah demi langkah untuk menaikkan taraf perniagaan mereka sebagai kontraktor Kelas 'A'?

Berapa ramaikah kontraktor jenis Kelas 'F' (yang 100% dikuasai Bumiputra) sanggup bersaing untuk mendapat peluang projek bagi kerja pengubahsuaian dalaman (internal renovation) misalnya bagi premis-premis kedai makanan segera (franchise) atau kedai 'chain-store' seperti McDonalds, KFC, Pizza-Hut, 7-Eleven, Domino Pizza, Burger-King mahupun untuk mendapat peluang projek pengubahsuaian untuk ruang

premis showroom-outlets bagi pengedar kereta Proton dan Perodua ataupun untuk kerja pengubahsuaian bagi premis cawangan-cawangan bank misalnya?

Apakah mereka merasakan bahawa walaupun mereka bersaing untuk mendapat peluang perniagaan bagi kerja-projek yang disebutkan itu, nescaya keyakinan dipihak swasta terhadap kebolehan atau mutu kontraktor Melayu/Bumiputra adalah rendah.., walaupun pegawai atau pihak pengurusan yang diberi kuasa melantik dan menawarkan kerja sedemikian adalah juga dikalangan kaum Melayu/Bumiputra..!?

Sedarkah kita bahawa terdapat ramai usahawan atau kontraktor Cina yang dahulu-kalanya hanyalah sekadar pekerja buruh atau memiliki perniagaan kecil, namun kini pula sudahpun membina dinasti perniagaan mereka melalui peluang perniagaan dan ekonomi di bumi bertuah Malaysia?

Mendiang Tan Sri Lim Goh Tong pernah menjadi pekebun-kecil menanam sayur, berubah pula menjadi peniaga besi-buruk kemudian menceburkan diri dalam bidang pembinaan. Kini kita tahu siapakah yang telah membina empayar perniagaan seperti Genting Berhad dan juga Resorts World Berhad. Begitu juga dengan Tan Sri Dato' Low Yat. Sejak menjadi kontraktor pembinaan kemudian beliau telah menceburkan diri dalam bidang pemaju hartanah. Malahan Hotel Federal (dibina & dimiliki oleh Low Yat Group) di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur telah diresmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu YTM Tunku Abdul Rahman pada tahun kita mencapai Kemerdekaan iaitu pada tahun 1957. Juga, Low Yat Plaza dan Empire Tower di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur adalah satu mercu tanda yang sangat ternama.

Begitu juga kontraktor Cina yang lain seperti Tan Sri Low Keng Huat yang telah membina dan memiliki Kompleks Membeli-belah yang ulung dan pertama sekali di Malaysia iaitu Ampang Park, Kuala Lumpur. Kompleks People's Park di Singapura

adalah juga milik Kumpulan LKH. Kontraktor Cina yang lain seperti Yeoh Tiong Lay yang kini dikenali sebagai YTL Group sudahpun menjadi gergasi perniagaan yang begitu ternama di Malaysia hasil dari peluang perniagaan dan ekonomi di bumi bertuah Malaysia.

Maka persoalannya, apakah para kontraktor Bumiputra tidak berkualiti dari segi mutu-kerja untuk mendapat keyakinan para pelanggan? Pada suatu ketika dahulu, saya pernah berdepan dan bertanyakan seorang YB Menteri, iaitu andai sekiranya beliau (seorang berbangsa Melayu) berhasrat hendak membuat kerja pengubahsuaian (renovation) kepada rumah beliau sendiri, maka apakah beliau bersedia memberi peluang kepada para kontraktor Melayu untuk melaksanakan kerja pengubahsuaian tersebut? Beliau telah berfikir sejenak tapi enggan memberi apa-apa jawapan. Saya telah mencelah dalam telahan beliau itu lantas berkata bahawa beliau kemungkinan besar akan melantik kontraktor bukan Melayu untuk membuat kerja-kerja pengubahsuaian tersebut. Begitulah keyakinan orang Melayu terhadap kemampuan kaumnya sendiri, maka apatah lagi keyakinan kaum lain terhadap kemampuan para kontraktor Bumiputra.

Maka, dimanakah salah dan silapnya dari segi perancangan dan pelaksanaan dasar Kerajaan demi menuju matlamat untuk menyusun semula masyarakat dalam konteks mencapai keseimbangan sosio-ekonomi antara kaum dalam Negara kita?

Dalam konteks dimana pihak swasta mementingkan meritokrasi dan bukan pula menutup peluang kepada Bumiputra, maka pernyataan itu adalah tidak tepat. Ramai dikalangan profesional Bumiputra adalah berkelayakan dan amat 'competent' tapi mereka tidak diberi peluang perkhidmatan oleh pihak swasta yang banyak dikuasai oleh bukan Bumiputra. Ramai dikalangan para firma Arkitek, Jurutera serta Jurukur perunding Bumiputra masih terpaksa mengharapka peluang perniagaan daripada

agensi Kerajaan. Maka, sikap dipihak swasta menyekat peluang kepada Bumiputra dalam sektor perkhidmatan sedemikian adalah nyata.

Begitu juga barangan kepenggunaan hasil keluaran Bumiputra yang tidak dinafikan ada banyak juga yang bermutu, namun ianya masih tidak terdapat atau dijual di pasaraya-pasaraya besar yang nyata dikuasai oleh bukan Bumiputra. Ini adalah suatu sikap dan pendirian yang tidak sihat dipihak yang berkenaan. Walaupun menyedari bahawa isu pemasaran adalah sesuatu yang paling lemah dikalangan usahawan dan pengeluar Bumiputra, namun ada pihak yang sengaja menutup peluang pasaran bagi produk hasil keluaran Bumiputra.

Maka, saya bersetuju dengan sebahagian dari pernyataan pihak SERI tetapi saya tidak boleh bersetuju dengan pernyataan dengan pihak RAM Holdings. Namun begitu, para kontraktor Bumiputra perlulah memperlengkapkan serta pertingkatkan kecekapan mereka dibidang pembinaan supaya mampu bersaing dengan semua jenis pesaing diperingkat tempatan mahupun diluar negara. Para peniaga bukan Bumiputra pula harus sedar bahawa sikap mereka menyekat peluang khidmat profesional atau peluang pemasaran hasil keluaran Bumiputra adalah suatu yang sikap yang negatif dan tidak sihat demi kebaikan sosio-ekonomi negara dalam konteks menyusun semula masyarakat.

Kaum Bumiputra seharusnya berani menceburi dibidang perniagaan dan keusahawan. Sikap hendak makan gaji ataupun untuk mendapat pekerjaan di Jabatan-jabatan Kerajaan demi merasa 'selamat & selesa' dengan gaji tetap serta mendapat pencen dikemudain hari perlulah dilenyapkan. Sebenarnya dalam ajaran Islam tidak terdapat konsep untuk mengharap pencen.

Apatah kaum Melayu itu (yang rata-ratanya beragama Islam) yang sepatutnya mencontohi Sunnah Nabi. Bukankah Rasulullah S.A.W. pernah menjadi usahawan yang sangat amanah, cekap dan berwibawa? Bukankah Rasulullah S.A.W. pernah bersabda

bahawa 9/10 rezeki itu datangnya daripada perniagaan? Sekiranya kaum bukan Bumiputra yang kini sudahpun menguasai perniagaan dan ekonomi negara Malaysia maka kita tidak sepatutnya hairan, oleh sebab mereka yang berani menceburi dan mengharungi bidang perniagaan. Maka di bumi Malaysia, anehnya dalam konteks ini kaum bukan Bumiputra pula dilihat yang 'mencontohi' Sunnah Nabi.

Sekian., Wassalam.

14.



mubarakchan

October 24, 2013 at 11:32 PM | [Permalink](#)

Tun

For the first time I confess that my purpose on this Blog is to influence all to behave and talk and comment normally with facts and humour. If our BN Government can perform normally and this flows right down the power pyramid to us the Rakyat or proletariat, we Malaysians would present our beloved Malaysia as one unique and wonderland equalling the very best 10 in the World. I draw your attention to the present struggles of what used to be fair minded and socialistic European countries finding it difficult to accept non-whites into their land. And here in Malaysia, we do not bat an eyelid on all the folks which mingled with us everyday. And we welcome the World to come and live amongst us. No need to import multi-millionaires to jack up our wealth per capita annually.

15.



Puteri Tujuh

October 24, 2013 at 2:39 PM | [Permalink](#)

Salam Yg Bhg Tun,

Thank you Mubarakchan. But was he/she really a MUTU...? He he...

Salam

16.



hafizkenedelete

October 24, 2013 at 12:23 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Salam warga Chedet.

Izinkan saya mencelah topik yg tak berkaitan..

Sekadar renungan untuk Tuan2 dan Puan2.. kebetulan tadi saya melayari facebook sambil2 lawat wall kelab chedet, pastu saya lawat page2 yg lain pulak dan tahukah da apa yang saya baca? Sekumpulan si bodoh dan taksab yang menulis secara jahil berkenaan isu hangat rompakkan oleh pengawal keselamatan.

Sibodoh dan sitaksub ni tulis yg kononnya rompakan tersebut berlaku sebab pengawal tersebut kesempitan hidup, dan yang paling best diorang tulis perkara ni terjadi sebab kerajaan pemerintah la, sebab Perdana Menteri dan isteri la, sebab BRIM pun ada.

Sedihnya saya membaca comment bodoh ni , hampir nak menitis air mata saya sebab peristiwa kematian digunakan untuk kepentingan politik pihak2 tertentu.. Apa nak jadi dengan mereka2 ni?? Mungkin kalau ada bumiputra tak berkualiti, mereka inilah yg dimaksudkan dengan perkataan ini. Orang kene tembak pun nak salahkan BRIM??

Nampaknya sekarang makin teruk akhlak dan akidah orang2 yang taksub dengan pembangkang ni, Syaitan Iblis mana la yg dah rasuk diorang..

Sekian,

Terima Kasih Tun.

Sekadar berkongsi,

Penulis Cincai2

17.



Karl

October 24, 2013 at 11:12 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

saya nak komen secara poin demi poin.

1. Pihak swasta yang bijak dan yang tidak prejudis akan memberi kontrak kepada yang cekap dan memenuhi syarat yang telah ditentukan serta tidak menimbunkan masalah.

2. Dalam bisnes, membuka peluang apabila ianya akan merugikan bukanlah tindakan yang bijak.

3. Kita sedia tahu bahawa penjawat awam di Malaysia, majoriti bekerja di bawah pengaruh 'comfort zone'. Kerja tak kerja pun dapat gaji. Tak ada iltizam untuk ekselens dalam melaksanakan tugas. Terima kasih kepada CUEPECS.

4. Krisis kewangan 1997-98 di Malaysia tidak melarat kerana kita mempunyai PM yang mempunyai idea-idea seiras Dr Edward deBono, mencari penyelesaian di luar lazim. Contohnya, strategi kawalan matawang yang unik lagi berani.

5. Kaum Bumiputra sendiri perlulah ambil iktibar dan mengutamakan kualiti, supaya wakil mereka di University nanti mampu menang Dean's List dan anugerah pelajar terbaik, sekaligus membuktikan bahawa pelajar Bumiputera ada kualiti.

6. Semua orang punyai hak yang sama untuk hidup, tapi hak untuk berjaya dalam hidup adalah satu hal yang berasingan dan memerlukan kualiti berfikir dan 'long time perspective' yang bersesuaian.

7. Dan saya bersetuju dengan Tun bahawa sejarah perjuangan Melayu menuntut kemerdekaan dari British adalah passport yang membolehkan kaum Cina dan India menjalani hidup yang jauh lebih baik berbanding saudara mereka di Tanah Besar.

Nota penting: Golongan billionaire seperti Ananda Krishna dan Robert Kuok, juga wajib berterima kasih kepada pemimpin UMNO yang bertungkus-lumus mensabotaj bangsa sendiri, dengan polisi pentadbiran yang menguntungkan broker @ orang tengah.

18.



mubarakchan

October 24, 2013 at 10:52 AM | [Permalink](#)

Tun

May I ask how come the world class Republic of Singapore which is actually a one-street town failed in at least 10 failed Policies for Singaporeans with so many MUTU Chinamen in command ? I think the following comment answers :-

I asked my friends, ' You have always met a Chinaman who is clever ?' They would nod their heads in assent. I continued, ' You have met some also who are so very clever as to be stupid.' They would all look bewildered. Then, I mentioned some household names and they would all agree with a roar of laughter !

With so many MUTU Chinamen around, Singapore with its failed 10 Policies of the brilliant Lee Kuan Yew is struggling to keep up its GDP and keep down inflation. This is his legacy !

19.



Puteri Tujuh

October 24, 2013 at 12:22 AM | [Permalink](#)

Salam yg Bhg Tun,

Sentinel3 & hafizkenedelete,

Tiada sejarah Melayu yang mengatakan Hindu Melayu terdahulu berasal daripada Hindu India.

Terdahulu Melayu asalnya memang mengamalkan amalan hindu tetapi tiada kaitan langsung dengan hindu india. Contoh hindu Melayu kini adalah seperti hindu indonesia yang banyak terdapat Indonesia seperti di Bali misalnya. Amalan hindu disana didapati tidak sama dengan hindu di India. Orang tu bodoh tetapi berlagak pandai.

20.



[sentinel3](#)

October 23, 2013 at 7:11 PM | [Permalink](#)

Tun,

Izinkan saya menjawab gunse007.

Sdra gunse(gunasegaran)007. Apa sebenarnya yang anda cuba buktikan mengenai istilah-istilah bahasa Melayu yang anda senaraikan sebagai berasal daripada bahasa sanskrit hindu?

Masyarakat india/hindu lebih berkualiti daripada bangsa Melayu? (kerana meminjam istilah sanskrit hindu?).

Setahu saya, bahasa itu adalah universal, bahasa Inggeris pun banyak yang diveduk daripada bahasa Latin dan sebagainya.

Bangsa yang berjaya adalah mereka yang berjaya mengasimilasikan kepelbagaian bahasa terutama yang ada ilmu pengetahuan untuk memajukan diri mereka.

Orang Inggeris juga ada mengguna bahasa sanskrit dan bahasa Melayu dalam bahasa mereka dan lihatlah hari ini kaum mana yang lebih berjaya? Adakah kaum (india/hindu) yang menggunakan bahasa sanskrit atau bangsa Inggeris?

Apa sangatlah nak dibanggakan dengan bahasa sanskrit kecuali terkenal dengan kitab kamasutranya? (yang digunakan oleh penjajah Inggeris untuk berseronok dengan mem sahab (sahib) (bahasa Arab, urdu) selepas letih memerintah golongan bumiputera (meminjam istilah sanskrit gunse007) India suatu ketika dahulu. he...he...he.

Salam Tun.

21.



hafizkenedelete

October 23, 2013 at 6:29 PM | [Permalink](#)

Salam Tun...

Izinkan si cincai mencelah...

Kepada Gunse00789

Tak kira la sape yg bagi nama tu, hindu ke, siddharta buddha ke, moyang u ke or nenek u yg bagi.. Lagipun bukan kita suka nak sebut sangat, yg u ni mencelah tak ada hujung pangkal tiba2 nak menyalak pasal asal-usul perkataan melayu ni kenapa?

Dah takda isu nak main ke? Kalau rasa tak puas hati, pergi join Comango bawak complemen2 dan tuntutan korang yg tak masuk akal tu pergi biro aduan PBB.

Lihatlah Tun. Golongan 4 kaki yg suka menyalak kuat ni asal-usul perkataan Melayu pun diorang tak puas hati, banyak kita bagi peluang kat diorang, sekarang diorang nak gigit kita kat semua tmpat..

Setuju lagi saya dengan saudara sentinel supaya alang2 mereka ni minta semua ikut meritokrasi, biar kita bawak masuk kontraktor dan firma luar bersaing skali..tengok nanti siapa yg betul2 berkualiti, sebagai ank Melayu yg sukakan persaingan , saya yakin kita akan terus dapat bersaing sedangkan golongan empat kaki ni pandai bagi rasuah je....hehehe...

Sekian Tun,

Dr penulis cincai2.

22.



gunse007

October 23, 2013 at 11:42 AM | [Permalink](#)

apa maksud bumi putra ??

asalnya pun dr sanskrit hindu... apasal orang melayu nak asyik sebut perkataan ni???

tapi nama melayu pun diberi oleh orang Hindu India beratus tahun dahulu...

malai – gunung

malai ur – negara pergunungan (banjaran)

raja

permaisuri
putra
putri
iswara (nama model proton)- god
almari
meja
kerusi
sembahyang
agama
bahasa
neraka
syurga

Belajar sejarah dahulu la.... melayu mudah lupa, bak kata Tun....

Blame yourself before blame others...

23.



amin tan

October 23, 2013 at 9:42 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Izinkan saya petik dari comment Hajar seperti di bawah,

[Hajar

October 22, 2013 at 11:27 PM | [Permalink](#)

1. 'Bumiputra tidak berkualiti' : Sebab itulah agaknya Dato' Seri Najib ada nama Cina – 'Ah Jib Gor' kerana beliau pun mungkin rasa yang nama Cina tersebut akan bawa 'Ong'; untung-untung boleh menambah kualiti kepimpinan beliau, tapi malangnya 'kuantiti' undi Cina pula merudum pada PRU-13...

2. Lagi satu, DSN @ Ah Jib Gor pun nampaknya memang ada ramai CON-sultant / penasihat dari kalangan bukan Bumiputra. Adakah DSN @ Ah Jib Gor turut bersetuju bahawa kaum 'Bumiputra tiada kualiti'?

Puan Hajar,

Puan seolah2 menyindir dan tidak begitu senang hati dengan YAB Perdana Menteri Malaysia dewasa ini, Datuk Seri Haji Mohd Najib Tun Razak. Beliauah yang patut diberi kepercayaan penuh dan disokong oleh orang2 Melayu khususnya dan semua rakyat Malaysia amnya, melainkan kita ada agenda tersirat seperti orang2 DAP atau PKR.

DSNlah yang melawan dengan Datuk Lee Kim Sai (MCA) dalam perbahasan terbuka melalui akhbar mengenai hak kaum Melayu dan hak kaum Cina di bumi Malaysia pada pemerintahan Tun Dr Mahathir dahulu, sehingga sentiment perkauman masing2 menjadi panas dan hampir tidak terkawal. Maka Polis lancarkan Operasi Lalang menangkap Lim Kit Siang, Ibrahim Ali dan lain2 di bawah undang2 ISA, untuk meredakan suasana dan keadaan.

Majoriti pengundi2 cina tidak mengundi BN bukan kerana kelemahan kepimpinan Datuk Seri Najib. Tetapi kepimpinan Melayu PKR yang janjikan hak sama rata Cina Melayu, iaitu Cina pun boleh dapat hak Bumiputra kalau mereka undi DAP. Mereka kutuk UMNO habis2an. Kepimpinan PKR juga sokong orang2 kafir dalam issue Mudtad dan Kalimah Allah.

Puan Hajar cuba fikirilah masak2. Apa yang hak dan apa yang batil? Perjuangan kita mestilah berlandaskan kebenaran(haq), keseksamaan dan keadilan untuk mendapat keredhaan Illahi, dunia dan akhirat. wallahu alam.

amin tan

24.



[sentinel3](#)

October 22, 2013 at 11:33 PM | [Permalink](#)

Tun,

Memandangkan pihak swasta (bukan bumiputera) dikatakan mementingkan meritokrasi, saya cadangkan kepada kerajaan supaya membuat dasar baharu terhadap segala projek kerajaan jika melibatkan syarikat-syarikat bukan bumiputera hendaklah dilakukan secara tender terbuka termasuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat dari luar negara untuk membida tender kerajaan.

Begitu juga terhadap firma-firma guaman negara ini, yang kebanyakkan pemiliknya adalah antikerajaan dan condong kepada pembangkang, sudah tiba masanya bagi kerajaan menggubal undang-undang membenarkan firma-firma guaman luar negara beroperasi di negara ini.

Biar ada persaingan sihat antara syarikat-syarikat swasta bukan bumiputera yang sukakan meritokrasi dengan syarikat-syarikat asing di negara ini, begitu juga antara firma-firma guaman tempatan dan firma guaman luar negara.

Dengan menggalakkan meritokrasi di kalangan syarikat swasta bukan bumiputera dengan syarikat asing, kerajaan dan rakyat mungkin mendapat projek yang berkualiti selain nasihat dan khidmat guaman yang terbaik di negara ini.

Tun, dengan dasar kerajaan yang baharu ini juga diharap akan dapat menyedarkan firma-firma guaman milik orang Melayu yang lupa asal-usul mereka dan kejayaan mereka hari ini adalah atas dasar affirmative action yang dilakukan kerajaan bagi membantu pelajar dan orang Melayu selama ini.

Seorang bekas menteri undang-undang yang juga seorang peguam/ahli politik liberal seperti telah dijangka mengkritik keputusan Mahkamah Rayuan berhubung isu kalimah Allah.

Dalam tulisan terbaharunya, bekas menteri ini juga menimbulkan soal hak golongan minoriti di negara ini tanpa memikirkan hak golongan majoriti yang sebangsa dengannya.

Saya setuju walaupun tidak dapat mengesahkan dakwaan Presiden Perkasa bahawa bekas menteri ini mabuk setiap hari sebab itu tulisannya sentiasa bertentangan dengan agama yang dianutinya begitu juga tidak menghiraukan nasib bangsanya sendiri. Yang penting bagi bekas menteri ini ialah kepercayaannya yang menganggap dirinya seorang demokrat yang tulen.

Setelah kaya sebagai seorang peguam dan seorang pendokong demokrat Barat yang tegar, yang lain-lain di sekeliling dirinya tidak penting walaupun terdapat secara halus usaha-usaha untuk memesongkan akidah masyarakat Melayu Islam oleh golongan mubalik kristian disebalik isu kalimah Allah.

Begitu juga, nasib bangsa sendiri tidak penting walaupun majoritinya masih miskin dan acuan demokrasi yang diamalkan di negara-negara Barat hendak diterapkan

bulat-bulat di negara ini walaupun soio-ekonomi penduduk negara ini dengan Barat berbeza.

Bagi bekas menteri ini, Tun, kepercayaan sebagai seorang ahli demokrat tulen adalah agamanya dan mengatasi agama Islam sendiri begitu juga nasib bangsa sendiri.

Salam Tun.

25.



Hajar

October 22, 2013 at 11:27 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. 'Bumiputra tidak berkualiti' : Sebab itulah agaknya Dato' Seri Najib ada nama Cina – 'Ah Jib Gor' kerana beliau pun mungkin rasa yang nama Cina tersebut akan bawa 'Ong'; untung-untung boleh menambah kualiti kepimpinan beliau, tapi malang nya 'kuantiti' undi Cina pula merudum pada PRU-13...

2. Lagi satu, DSN @ Ah Jib Gor pun nampaknya memang ada ramai CON-sultant / penasihat dari kalangan bukan Bumiputra. Adakah DSN @ Ah Jib Gor turut bersetuju bahawa kaum 'Bumiputra tiada kualiti'?

3. Sebenarnya ada ramai Bumiputra yang berkualiti, tetapi dikebanyakan masa, Bumiputra yang berkualiti ini dicantas atau disabotaj/diskriminasi (hasad dengki, etc.) oleh mereka yang 'perasan' berkuali tinggi. Jadi kelihatannya seolah-olah yang selalu ke depan & nampak dikhalayak ramai ialah mereka (Bumiputra) yang tidak

berkualiti, dan mereka inilah yang dijadikan bahan statistik/sample untuk mendapat rumusan bahawa 'Bumiputra Tiada Kualiti'.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***



26.

mubarakchan

October 22, 2013 at 5:45 PM | [Permalink](#)

Tun

I do not agree that the Malays have no quality or the Chinese or the Indians and all. Meritocracy in its standard form as we know it in Singapore has failed. Vide. BBC News 21 October 2013. 'Singapore's mid-life crisis as citizens find their voice.' Quote '..... a realization that the Mandarin-style meritocracy built by his father (Lee Kuan Yew) may no longer be enough to retain the loyalty of Singaporeans.' And again quote, '.....The era of government-knows best is slowly coming to an end in Singapore. No-one is quite sure what will take its place,' The last sentence confirms the comments I made about Singapore that through the failure of meritocracy as practised there, within 50 years, she has to consider the following options :-

1. To be the 53rd Union of the United States of America.
2. To be a British Crown Colony again.
3. To merge with Malaysia again.
4. To retain her status quo.

Why has the Republic of Singapore come to such an impasse ? The answer is due to the ambitions and will of a single person who achieved a brilliant set of grades at Law School at the University of Cambridge in 1947. With this set of achievements, Lee Kuan Yew pursued his own goals to the beat of his own drums which led as far as I could discern the following 10 Policy failures for Singapore which only now, the Singaporeans dare to express their free opinions.

1. Money was used as an instrument in the exercise of Foreign Policy. Vide. Thaksin. Shinawatra. The Bangkok Riots. 2003-2013.

2. A horrendous loss of US\$108 Billions (RM350 Billions; Malaysia Foreign Reserves 2013 – US\$140 Billions) was lost by the dysfunctional meritocratic pyramid with the smartest fellow on top in October 2008 on Wall Street. Vide. Channelnewsasia Lee Kuan Yew November 2008. All Singaporean Blogs. 2009-2013. Financial Times London. Gillian Tett. 'Singapore's Harvard Investment Model' April 2010. A sovereign State copies a university.

3. The 2-Child Family Policy. This is the killer. Vide. The Singapore Government White Paper on Population. 2013. In 1959, when Lee Kuan Yew assumed power, the indigenous population was 100%, 2013 – 62%, 2030 – 45%. As the indigenous population goes down the GDP and wealth per capita rises to World Class level.

4. Humanity and Multiculturalism never practised. Vide. Channelasianews. 2011. The Curry Smell Tribunal. 2012 -The 188 bus drivers strike and the toilet fights. etc

5. A perfunctory Judiciary which is well-known the World over. Vide. The unfortunate and fortunate Mr Chee. The unfortunate Tan Koon Swan. The Aussie and German drug mules. Dr Woffles Wu. Shaw. If the Police stopped at 1, he would not have been in trouble. But they stopped at 51. Poor girl !

6. 5,000 pigs imported daily. the flower nurseries contracts. King of the Road etc.etc.

7. The Cabinet Ministers are the highest paid in the World for a one-street town. Vide. Warren Buffet.

8. The DAP was founded in Malaysia in 1966. It has been in Opposition for over 47 long years. Was it founded just to be in the Opposition ? Or to deliver a conquered Malaysia

to Lee Kuan Yew ?

9. The public transportation is not World class. Vide. Mahubani. A distinguished diplomat and academician.

10. Lee Kuan Yew is still in the Parliament after assuming power in 1959.

From the above facts, even though Malaysia never embarked on a policy of meritocracy with all the trumpets blaring, at the end of the day in 2013, the qualities of whatever kind have been rubbed off on the Bumiputras, the Chinese, the Indians and all. This is the story of the hare and the tortoise. To sum this up, no less than 2 Singaporean Cabinet Ministers this years have pronounced that in future, candidates will be considered not only with academic qualifications but also their hidden talents as well. After 55 years, the Republic of Singapore has discovered that there is a huge difference between ELITISM and MERITOCRACY. We should all wonder which country is better than our policy of PRAGMATISM which gave us a resilience and practicability to bond our diverse peoples ! This is clearly illustrated by the failure of one man with a set of brilliant academic results in 1947 to cast a very small population in his own image without compassion, commonsense and the ability to think out of a box.

27.



Dragniz

October 22, 2013 at 4:22 PM | [Permalink](#)

sthevaraja,

I respect your wishes but there were saying

‘TO MAKE PEOPLE START, YOU MUST START FIRST’.

Don't ask us to do this thing and that, but other races didn't want to learn about us, our culture and our religious.

You should follow us and not we should follow you.

Do you think this is Uncle John country mate...

28.



Dragniz

October 22, 2013 at 4:02 PM | [Permalink](#)

Dear Tun,

It's not about quality or meritocracy, they just didn't want to admit it that they were

“JEALOUSY & GREED AND FROM JEALOUSY &
GREED COME RACISM”

“AND IN THE NAME OF RACISM, THEY CREATE THEIR OWN MERITOCRACY”

P/S: If you're good chinese, you will not hurt with what I'm writing. Live a pro and don't be a dimwit.

29.



sthevaraja

October 22, 2013 at 12:57 PM | [Permalink](#)

Tun,

1. Make English as no.1 language in Schools at all levels.
2. Employ more english speaking teachers and not on race basis but on merit.
3. Educate malay students to mix around and visit other races houses to be more talented.
4. This will help malay students expose to other races once they venture out and best friends comes from schools, universities and neighbour,
5. As childhood friends surely other races will cooperate to assist the malays.
6. The same bumiputera companies were given contracts and projects which need to be changed.
7. Malays must be taught to live simple life while they are venturing out and after they make it can have a lavish life.
8. I as Tamil, i owned 2 bulk carriers carrying malaysian flags, lived in RM17,000 flat in Shah Alam and educated my 4 girls in private school and driving RM4000 old car until i felt i made it and moved in to bigger house with better car. When Tun was PM you made tax free for ship owners and it gave me edge on earnings. I was operating 2 vessels from Langkawi, Lumut to Pasir Gudang carrying cement clinker for 5 years and were kicked out due to red tape and now Hong Kong chinese is operating with Thai flag vessel. We tried best to renter but blacklisted for making complain with shipowner association (MASA).
9. Malaysian is one of the best country to live in the world and easy to venture out in business.
10. I lived without any bank loans till i am 50yrs old and only after took loan to buy bigger house n now completed.
11. Every business there is red tape and if cannot oblige you will be out and need seriously to tackle otherwise ?.

Thanks

30.



Tun Perak

October 22, 2013 at 8:25 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Sekiranya benar itulah yang diperkatakan oleh Dr Yeah Kim Leng, walau pun beliau dianugerahkan doctorate degree tetapi “under statement” yang diberikan secara “sweeping generalisation” tidak menunjukkan etika seorang yang berfikiran tinggi.

Malah , kita boleh rujuk pula apa yang diperkatakan di freemalaysiatoday, ” RAM Holdings Bhd group chief economist Dr Yeah Kim Leng said there should be other programmes to help the non-Bumiputeras to limit any repercussions.”

Itu menunjukkan bahawa syarikat bukan bumiputra juga tidak mempunyai kualiti kerja yang tinggi. kerana memerlukan bantuan

31.



Orang Lama


October 22, 2013 at 1:39 AM | [Permalink](#)

Salam,

